



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF ATLET & JURULATIH WILAYAH PERSEKUTUAN 2022

PUTRAJAYA, 3 NOVEMBER 2022: Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyampaikan insentif keseluruhan berjumlah RM1.096 juta bagi atlet Wilayah Persekutuan yang beraksi cemerlang pada temasya dan kejohanan sepanjang tahun ini.

Insentif yang disampaikan ini melibatkan penyampaian kepada atlet Wilayah Persekutuan yang memenangi pingat pada temasya yang berlangsung pada tahun ini termasuklah pada Sukan Komanwel ke-22 di Birmingham, Sukan Perpaduan Islam ke-5 di Konya, Sukan SEA ke-31 di Vietnam serta Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 MSN 2022.

Atlet Wilayah Persekutuan yang beraksi cemerlang pada Kejohanan Dalam dan Luar Negara termasuklah Kejohanan Muaythai IFMA 2022, Liga Sepak Takraw 2022, Kejohanan Bola Jaring B-19 2022 dan *Netball Super League 2022*.

Majlis Penyampaian Insentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan 2022 yang berlangsung di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya hari ini disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar.

“Mengimbuai kembali pencapaian atlet Wilayah Persekutuan sepanjang tahun ini, saya gembira apabila ramai daripada atlet WiPers berjaya mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dan nama Malaysia di pelbagai kejohanan serta temasya tempatan dan antarabangsa.

Majlis Penyampaian Insentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan hari ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada pengorbanan yang dilakukan atlet WiPers tanpa mengira sama ada masih berada di dalam program mahu pun tidak,” kata Rosida dalam ucapannya di sini hari ini.

Pada SUKMA ke-20 yang berlangsung pada September lalu, kontinjen WiPers menduduki kedudukan tempat ketiga dengan memenangi 55 pingat emas, 68 perak dan 64 gangsa.

“Sebagai Ketua Kontinjen pada SUKMA ke-20 ini, saya melihat sendiri usaha dan kesungguhan yang dipamerkan setiap seorang daripada atlet WiPers yang turut serta pada temasya ini namun nasib tidak menyebelahi kita apabila tidak dapat mencapai sasaran untuk muncul juara.

“Saya yakin atlet WiPers akan bangkit dan berusaha berlipat kali ganda bagi sama-sama bangkit mencipta kejayaan yang lebih gemilang pada SUKMA akan datang,” katanya.

Berikut disertakan jumlah insentif yang diberikan pada majlis hari ini:

Temasya/Kejohanan	Jumlah Insentif
Sukan Komanwel ke-20	RM115,000
Sukan SEA ke-31	RM52,600
SUKMA ke-20	RM905,600
Kejohanan Dalam dan Luar Negara	RM22,500
Jumlah	RM1,095,700

Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).

TAMAT